

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Berikut merupakan beberapa kesimpulan yang diperoleh penulis daripada penyelidikan yang dilakukan:

1. Penulisan karya *al-Arba ‘īnāt* yang lahir bersamaan dengan maraknya penulisan Hadith-Hadith Nabi s.a.w. merupakan sumbangan yang sangat besar telah diusahakan oleh para Ulama dan Sarjana Islam sehingga sekarang ini.
2. Latar belakang penulisan karya *al-Arba ‘īnāt* tidak sahaja kerana Hadith yang menggalakan bagi menghafaz 40 Hadith, tetapi juga keistimewaan yang dikandungi dalam bilangan 40 itu. Selain itu metode ini dikira dapat memudahkan untuk menghafaz dan mempelajari ajaran Islam melalui Hadith-Hadith Nabi s.a.w.
3. Para penulis *al-Arba ‘īnāt* mempunyai motif yang berbeza, antaranya sahaja mengumpulkan sebanyak 40 Hadith tentang kelebihan amalan tertentu, atau tema-tema umum yang mencakupi kaedah-kaedah syariat dan hukum fekah, dan lainnya. Karya ini juga tidak lagi terhad pada Hadith-Hadith Nabi s.a.w. tetapi juga pada keperluan yang lain, seperti kumpulan 40 nama-nama guru tertentu daripada penulis *al-Arba ‘īnāt*, koleksi 40 dalil-dalil dalam masalah aqidah, dan lainnya.
4. Ulama Nusantara juga turut berkonstribusi dalam pengkaryaan *al-Arba ‘īnāt* diantaranya adalah Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Salah satu sumbangan beliau dalam *al-Arba ‘īnāt* adalah kitab yang bertajuk *al-Arba ‘īn al-Buldāniyyah: Arba ‘īn Hādīthan ‘an Arba ‘īn Shaykhan min Arba ‘īn Baladan*. Kitab tersebut

mengandungi sebanyak 40 Hadith yang diperoleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī daripada 40 guru beliau yang berbeza wilayah dan asal mereka.

5. Kepakaran Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam pengajian Hadith serta pengetahuannya di bidang Hadith dapat dikesan dalam kitab *al-Arba‘un al-Buldāniyyah* ini. Beliau sangat mengenali pelbagai kitab-kitab Hadith dan mengetahui pelbagai pendapat para ahli *naqd* dalam kitab-kitab mereka. Beliau juga Di samping beliau memahami betul setiap Hadith yang ditulisnya. Ini terbukti apabila beliau memberi komentar atau syarahan keatas Hadith yang beliau tulis, dan juga mengeluarkan sesebuah hukum daripada Hadith itu.
6. Dalam kitab tersebut beliau tidak sahaja menekankan kepada aspek sanad sebagaimana yang merupakan kelebihan beliau yang susah ditandingi di era sekarang, tetapi juga memahami setiap lafaz daripada matan Hadith. Manakala Hadith-Hadith yang dibawakannya di dalam kitab *al-Arba‘un al-Buldāniyyah* adalah Hadith yang diamalkan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī.
7. Metode penulisan dan penyampaian Hadith yang diaplikasi beliau dalam kitab tersebut iaitu mengumpulkan sebanyak 40 Hadith daripada 40 guru dengan sanadnya sekali sehingga sampai kepada Ulama Hadith yang mengeluarkan Hadith dalam kitab asal Hadith. Manakala Hadith-Hadith dalam kitab tersebut disusun berdasarkan sanad guru dari kawasan dan negeri yang berlainan, dan pengumpulannya langsung tidak didasarkan atas tema-tema. Dalam aspek matan pula Hadith-Hadith itu ditulis dengan teliti dan tepat berikut dengan *sighat* atau lafaz penyampaian Hadith tersebut di setiap taqabat, kecuali hanya beberapa Hadith sahaja.
8. Sikap beliau dalam penilaian sesebuah sanad atau seseorang perawi Hadith dapat digolongkan sebagai sikap yang tasahul dan mengharuskan beramal dengan hadirh da’if selama kedaifannya tidak disepakati lagi. Ertinya, jika masih ada

Ulama yang menganggap sesuatu Hadith *maqbūl* (diterima) maka beliau pun menjadikannya hujjah. Kerana itu dijumpai Hadith-Hadith yang telah dilemahkan oleh Ulama Hadith dan malah beliau sendiri menukilkan kenyataan tersebut, tetapi beliau tetap mengambil dan mengeluarkan sesuatu hukum dengannya.

9. Banyak faedah yang dapat diambil pada kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* sama ada dalam *riwayah al-Hādīth* mahupun *dirayah al-Hādīth*. Faedah yang dapat diambil dari aspek riwayah di dalam kitab tersebut adalah ketelitian dan ketepatan lafaz Hadith serta proses memindah dan meriwayatkan Hadith Nabi s.a.w. serta teks Hadith itu sendiri. Manakala faedah dari aspek dirayah pula adalah penentuan hukum sesebuah sanad Hadith sama ada sahih ataupun daif, sekali gus memberikan maklumat tentang sesebuah Hadith diterima atau ditolak.

4.2 Cadangan

Cadangan daripada hasil kajian seperti berikut:

1. Para sarjana dan pelajar pengajian Hadith perlu mempertingkatkan hasil kajian terutama dalam bidang *al-Arba 'īnāt* dalam Hadith. Kitab-kitab *al-Arba 'īnāt* yang telah disumbangkan Ulama terdahulu sehingga sekarang perlu dikaji untuk mengenali metodologi penulisan mereka serta memperbanyak pemahaman Hadith Nabi s.a.w. dengan cara yang mudah.
2. Pengajian tentang Hadith Nabi s.a.w. boleh diperolehi melalui karya-karya *al-Arba 'īnāt* kerana para Ulama menulis karya tersebut bermaksud supaya ajaran Islam dapat difahami dan diamalkan oleh umat Islam sama ada para sarjananya mahupun masyarakat awam dengan cara yang dikira mudah yakni salah satunya mempelajari kitab-kitab *al-Arba 'īn* yang ditulis oleh Ulama. Sehingga pengetahuan terhadap karya *al-Arba 'īnāt* tidak sahaja terhad pada kitab *Arba 'īn*

karya Imam al-Nawawi sahaja, melainkan juga mengenali Hadith-Hadith lain yang juga disusun oleh Ulama lainnya sama ada kurun terdahulu maupun sekarang.

3. Kajian ini boleh dikembangkan dengan membincangkan metodologi penulisan kitab *al-Arba 'ināt* Ulama lain seperti yang telah disenaraikan sebelumnya.
4. Kajian ini pula boleh dilakukan dengan membuat perbandingan terhadap metodologi penulisan Ulama tersebut dalam *al-Arba 'ināt*.
5. Manakala berkaitan dengan karya *al-Arba 'ināt* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī, sebaiknya dilakukan pula kajian terhadap kitab *al-Arba 'ūn Hādi han |*. Manakala terhadap kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* diharapkan untuk menyusuri sanad-sanad guru beliau sehingga dapat dipastikan kebersambungan tersebut antar tiap-tiap tabaqat dengan cara menyelidiki biografi dan kekuatan daripada setiap guru yang menyampaikan Hadith itu.